

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH / HARI : 17 APRIL 2017 (ISNIN)

'Lebih 3,000 meriahkan 'eco free market'

SHAH ALAM - Lebih 3,000 orang hadir memeriahkan free market 'eco free market' anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sempena sambutan Hari Tanpa Kenderaan dan Hari Bumi di Laman Dewan Teater, Seksyen 14, di sini, semalam.

Penyelaras program, Shahrul Nizam Salim berkata, free market yang diadakan kali ketiga ini disertai 70 penyumbang dan bentuk sumbangan yang diberikan adalah berupa pakaian pre-loved, makanan asas, alat permainan kanak-kanak dan sebagainya.

"Dalam tempoh dua jam bermula 10 pagi hingga 12 tengahari, orang ramai boleh mengambil sebanyak mana yang mereka mahu secara percuma, namun mereka perlu meminta barangan tersebut dengan baik, beri senyuman dan mengikut tertib.

"Sebelum orang ramai mengambil peluang berkenaan, kita terlebih dahulu memberi peluang kepada anak-anak yatim dari Al-firdaus Denai Alam dan Kasih



Orang ramai sedang memilih pakaian yang diberikan secara percuma pada free market semalam.

Harmoni; Paya Jaras memilih peralatan dan pakaian yang mereka mahukan," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau yang juga Pegawai Kemasyarakatan MBSA berkata, lebih menariknya apabila Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Datuk Bandar MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad turut menyumbangkan pakaian mereka melalui program ini.

"Bagi memeriahkan program ini, orang ramai juga berpeluang mendapatkan khidmat gunting rambut percuma di kaunter yang disediakan.

"Pada masa sama, kita ada food aids foundation yang mana 1,000 pakej kentang goreng percuma diagihkan kepada pengunjung, selain edaran sayur-sayuran dan 'bakery items' oleh Tesco Extra Shah Alam," katanya.